

19 JAN 2002

Mahathir-Indera

PM AMAT GEMBIRA KEMENANGAN BESAR BN DI INDERA KAYANGAN

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat gembira dengan kemenangan besar yang dicapai oleh Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan hari ini.

"Saya berasa amat gembira dengan kemenangan besar BN. Saya ucap tahniah kepada semua yang telah berkempen dengan begitu baik bagi menentukan kemenangan BN.

"Tahniah juga kepada Datuk Seri Shahidan Kassim (Menteri Besar Perlis) kerana telah berjaya menebus balik maruah BN," katanya ketika ditemuramah melalui telefon oleh RTM di TV1 sejurus selepas pengumuman keputusan pilihan raya itu diumumkan malam ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN turut mengucapkan tahniah kepada calon BN Oui Ah Lan yang berjaya menewaskan calon Keadilan Khoo Yang Chong dengan majoriti 2,592 undi pada pilihan raya itu.

Oui memperolehi 4,279 undi berbanding Khoo yang hanya mendapat 1,687 undi.

Pada pilihan raya 1999, calon BN mendiang Datuk Khor Liang Tee yang meninggal dunia pada 19 Dis lepas kerana barah usus menang dengan majoriti 1,974 undi.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika ditemuramah oleh RTM di pusat penjumlahan undi di Kangar berkata, kemenangan BN membuktikan bahawa calonnya mempunyai kewibawaan dan diterima oleh rakyat.

"Kemenangan ini menunjukkan bahawa rakyat masih mahukan BN. Majoriti yang besar menunjukkan bahawa rakyat masih menyokong BN.

"Ini kemenangan yang begitu bermakna," katanya.

Abdullah berkata, kemenangan itu adalah kemenangan bagi semua dan membuktikan bahawa rakyat "memperakui" BN dan masih memerlukan kerajaan pusat pimpinan Dr Mahathir dan Kerajaan Negeri pimpinan Shahidan.

Beliau turut menyatakan rasa puas hati dengan perjalanan jentera BN pada pilihan raya kecil itu.

-- BERNAMA

AFY MFJ PR